

PNB syarikat pelaburan terbesar Malaysia



Seluruh warga PNB bekerja dengan gigih melaksanakan kesemua 15 inisiatif strategik”

Abdul Wahid Omar,
Pengerusi Kumpulan PNB



➔ Selepas empat dekad, kini urus dana RM279 bilion, 98 peratus dilabur dalam negara

■ Kuala Lumpur

Selepas 40 tahun penubuhannya, Permodalan Nasional Berhad (PNB) kini menjadi syarikat pengurusan pelaburan terbesar di Malaysia dengan jumlah dana sebanyak RM279 bilion, dan 98 peratus daripadanya dilaburkan dalam negara untuk membantu mewujudkan lebih banyak peluang perniagaan dan pekerjaan untuk rakyat tempatan.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Abdul Wahid Omar berkata, sebanyak 70 peratus lagi dana dilaburkan dalam saham tersenarai bernilai RM200 bilion.

“Ia merangkumi lebih 10 peratus daripada nilai modal pasaran syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia.

“Ini termasuklah 10 syarikat strategik iaitu Maybank, Sime Darby Plantation, Sime Darby Berhad, Sime Darby Property, SP Setia, UMW Holdings, UMW Oil & Gas, CCM, CCM Duopharma dan MNRB.

“PNB juga memiliki pelaburan dalam lebih 40 syarikat teras seperti TM, Axiata, MMC, TNB dan BIMB Holdings di mana PNB memiliki lebih 10 peratus ekuiti atau nilai pelaburan lebih RM1 bilion dalam syarikat tersebut,” katanya dalam kenyataannya, semalam.

179,000 kakitangan

Beliau berkata, Kumpulan PNB adalah satu keluarga besar dan di peringkat PNB dan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) sahaja ada lebih 1,500 orang dengan separuh daripada mereka merupakan anak muda di bawah umur 40 tahun.

“Kalau dicampur kesemua warga syarikat strategik, jumlahnya lebih besar melebihi

179,000 orang. Separuh di Malaysia dan separuh lagi di luar negara. Dan 50,000 daripada mereka rakyat Malaysia.

“Dari segi gender diversiti, majoritinya wanita. Syarikat Strategik PNB mematuhi keperluan 30 peratus ahli Lembaga Pengarah daripada kalangan wanita,” katanya.

Abdul Wahid berkata, pada November 2016, beliau bersama-sama Datuk Abdul Rahman Ahmad mengumumkan pelan strategik PNB 2017 - 2022 yang dinamakan ‘Strive 15’ yang menyasarkan PNB menjadi sebuah Firma Pelaburan Distinktif Bertaraf Dunia.

15 inisiatif strategik

Katanya, seluruh warga PNB bekerja dengan gigih melaksanakan kesemua 15 inisiatif strategik di bawah tiga teras strategik iaitu Meningkatkan Pulangan Secara Mampai, Pengurusan Pelaburan Yang Berkesan dan Memacu Kecemerlangan Operasi.

“Semuanya berjalan lancar dan membuahkan pelbagai kejayaan, termasuklah peningkatan pendapatan yang membolehkan PNB membayar dividen dan bonus sebanyak 7.25 peratus serta bonus khas satu peratus untuk 10,000 unit pertama sempena ulang tahun PNB ke-40.

“Ini membabitkan sejumlah RM14.4 bilion dividen untuk tahun 2017 dan lebih RM172 billion jumlah terkumpul dividen yang telah dibayar kepada pelabur sejak PNB ditubuhkan,” katanya.

Hargai pengorbanan kepimpinan lalu

Abdul Wahid berkata, PNB menghargai jasa, bakti dan pengorbanan kepimpinan lalu bermula dengan Allahyarham Tun Ismail Ali, Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid dan semua Ketua Pegawai Eksekutif yang terdahulu iaitu Tan Sri Desa Pachi, Tan Sri Khalid Ibrahim, Datuk Sri Mohd Hilmey dan Tan Sri Hamad Kama Piah.

“Terima kasih juga kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahidi Hamidi dan Ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah YPB atas segala pimpinan dan sokongan kepada kami,” katanya.